



**HARUN BIN HAJI SALLEH** (Haji) (Allahyarham) dilahirkan di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti, Negeri Sembilan pada 15 April 1935. Beliau telah berhijrah ke negeri Sabah atau North Borneo (Jesselton) ketika berumur 15 tahun dan merupakan mantan Penterjemah Kanan di Radio Televisyen Malaysia Sabah. Beliau telah bermastautin lebih 45 tahun di negeri Sabah dan telah kembali ke rahmahtullah pada 22 Julai 1999. Merupakan salah seorang tokoh novelis yang unggul di Sabah, telah menghasilkan enam buah novel iaitu *Hidayah*, *Di Sebalik Sebuah Kubah*, *Daerah Asing*, *Seorang Graduan*, *Murtad* dan *Liku-liku Pertembungan*. Kebanyakan daripada novel-novel beliau ini pernah memenangi hadiah dalam pelbagai peraduan seperti Hadiah Sastera Melayu-Public Bank, Esso Gapena dan Yayasan Sabah. Selain menulis novel, beliau juga seorang penulis cerpen yang

produktif. Kebanyakan cerpen beliau tersiar di akhbar tempatan, *Dewan Sastera*, *Dewan Masyarakat*, *Al-Islam* dan *Wadah*. Beliau juga gemar menggunakan nama pena Teruna Lara dan Teruna Lara Sandakan. Harun Haji Salleh juga antara penulis yang banyak menghasilkan skrip drama radio dan selalu disiarkan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) Kota Kinabalu, Kuching dan Kuala Lumpur. Sebagai mengenang jasa beliau dalam perkembangan kesusasteraan di negeri Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan (DBP) Sabah telah mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada beliau sebagai Tokoh Sasterawan Sabah pada tahun 1992 dan penerima Anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah pada tahun 1997. Beliau juga merupakan antara penulis negeri Sabah yang telah menerima pengiktirafan dan diangkat sebagai penerima Hadiah Sastera Sabah.